



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



SALAH LAKU SEKSUAL DI KELANTAN, 1960AN-1970AN

SEXUAL MISCONDUCT IN KELANTAN, 1960s-1970s

Haryati Hasan¹

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
Email: haryatie@fsk.upsi.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2025

Revised date: 17.11.2025

Accepted date: 01.12.2025

Published date: 09.12.2025

To cite this document:

Hasan, H. (2025). Salah Laku Seksual Di Kelantan, 1960an-1970an. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (42), 85-95.

DOI: 10.35631/IJLGC.1042007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Di Kelantan salah laku seksual bukan merupakan fenomena baharu. Laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan menunjukkan kegiatan pelacuran dalam kalangan wanita Melayu berlaku sejak tahun 1916. Sementara khalwat dan bersekedudukan serta rogol dikesan berlaku pada tahun 1920an dan 1930an. Kertas kerja ini menganalisis mengenai kegiatan pelacuran yang berlaku dalam kalangan segelintir anggota masyarakat di Kelantan amnya dan di Kota Bharu khasnya pada tahun 1960an sehingga 1970an. Analisis mengenai tema berkenaan adalah berdasarkan laporan bertulis oleh pihak pejabat Polis Kuala Krai pada tahun 1960an dan pejabat Polis Kontinjen Kelantan pada tahun 1970an. Objektif kajian dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama memperkatakan mengenai distribusi dan populasi pelacur di Kota Bharu. Bahagian kedua pula menghuraikan mengenai lokasi dan bagaimana kegiatan pelacuran beroperasi Bahagian ketiga membincangkan tentang langkah pencegahan. Tindakan undang-undang dilaksanakan namun kegiatan ini masih berterusan. Ini menunjukkan kedinamikan masalah salah laku seksual dan kegiatan pelacuran di sana. Justeru itu, langkah menangani masalah berkenaan bukan menjadi tanggungjawab pihak polis semata-mata sebaliknya pihak kerajaan negeri dan majlis agama serta kalangan masyarakat perlu menangani bersama.

Kata Kunci:

Salah Laku, Seksual, Pelacuran, Polis, Kelantan

Abstract:

My aim in undertaking this article was to collect and assess information about prostitution in a Kelantanese Malay community, particularly in Kota Bharu. Writing within the perspective of social history, I focused on the period 1960s-1970s, because some primary sources such as the Kuala Krai Police office and

the Kelantan Contingent Police office reports on this period have recently become available. The objectives of the study are divided into three parts. The first deals with the distribution and population of prostitutes in Kota Bharu. The second part describes the location and how prostitution activities operate. The third part discusses preventive measures. Legal action has been taken, but these activities still continue. This shows the dynamics of the problem of sexual misconduct and prostitution activities there. Therefore, steps to address the problem are not the responsibility of the police alone, but rather the state government, religious councils, and the community must address it together. Hopefully, my article will contribute to opening a new area in Malaysian Social history and gender studies.

Keywords:

Misconduct, Sexual, Prostitution, Police, Kelantan

Pendahuluan

Salah laku seksual bukan merupakan fenomena baharu di Kelantan. Dari sudut sejarah kegiatan pelacuran dapat dikesan melalui laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (Majlis atau MAIK) sejak tahun 1916 (MAIK, 1916). Sementara khalwat dan bersekedudukan serta rogol dikesan pada tahun 1920an dan 1930an. (Haryati Hasan, 2007). Pada hari ini Kelantan terutama Kota Bharu antara negeri yang mempunyai kadar salah laku seksual yang tinggi di Malaysia. Isu rogol misalnya direkodkan meningkat dari tahun ke tahun terutama pada tempoh masa selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). (Temubual Mohd Yusoff bin Mamat, 2025)

Artikel ini menganalisis sebanyak 23 buah laporan bertulis polis. Laporan terdiri daripada minit mesyuarat Pejabat Polis Kuala Krai yang meliputi tahun (1965, 1966, 1968 dan 1969 yang berjumlah sebanyak 12 buah). Selain itu artikel ini turut menganalisis sebanyak 11 buah minit mesyuarat daripada Pejabat Polis Kontinjen Kelantan yang bertarikh tahun (1970, 1972 dan 1973). Berdasarkan laporan tersebut artikel ini membincangkan mengenai distribusi dan populasi pelacur di Kota Bharu, lokasi dan operasi serta langkah pencegahan.

Kajian Literatur

Di kebanyakan tempat di dunia kajian mengenai pelacuran telah banyak diusahakan. Di Singapura misalnya James Francis Warren telah mengkaji mengenai kegiatan pelacuran dalam kalangan wanita bangsa Cina dan Jepun dari tahun 1870 sehingga 1940. Perbincangan menyentuh mengenai rumah pelacuran serta kehidupan pelacur wanita yang dikenali sebagai Ah Ku dan Karayuki-San. (J.F. Warren, 1993). Murray, pula membincangkan mengenai aktiviti ekonomi masyarakat kelas bawah di sebuah kampung di Manggarai, Jakarta. Kaum wanita di kawasan tersebut kebanyakan bekerja dalam sektor informal dan hanya lebih kurang lima peratus sahaja yang bekerja dalam sektor formal. Aktiviti pelacuran berlaku kerana masalah kemiskinan dan kekurangan kemudahan di kawasan berkenaan. Terdapat beberapa ciri persamaan antara wanita Manggarai dan wanita Kelantan seperti berdikari, rajin bekerja dan menjadi penjaja kecil. Ada juga yang bergiat dalam aktiviti pelacuran (A.J. Murray, 1991).

Di Malaysia, terdapat kajian mengenai pelacuran yang dilakukan oleh Ruslan Khatib, Shaik Mohamed Mohd Sahed, Hassan Abd. Ghani, Abdul Hadi Zakaria dan Haryati Hasan. Ruslan Khatib (1966) mengetengahkan mengenai kegiatan pelacuran Melayu di Kuala Lumpur. Dalam

tulisannya, pengkaji ini menyatakan bahawa kebanyakan wanita menjadi pelacur kerana latar belakang kehidupan mereka yang berasal daripada keluarga miskin, perkahwinan yang berakhir dengan perceraian, tidak mendapat pendidikan yang baik dan berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan bagi menyara kehidupan diri sendiri dan keluarga. Sementara itu, Shaik Mohamed Mohd Sahed (1977) pula menumpukan perbincangan terhadap aspek pencegahan dari sudut undang-undang. Pengkaji ini menjelaskan keperluan pemulihan akhlak, cara dan teknik pemulihan, serta peruntukan undang-undang mengenai pemulihan.

Berbeza daripada kedua-kedua kajian tersebut, Hassan Abd. Ghani (1984) memfokuskan kajian tentang kegiatan pelacuran dalam kalangan gadis di bawah umur. Skop kajian ini meliputi kerangka yang lebih luas, iaitu Malaysia, berbanding dengan sebelumnya yang memfokuskan kajian di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Antara inti pati kajian pengkaji ini termasuklah sejarah pelacuran di Malaysia, punca kegiatan pelacuran dianggap sebagai masalah masyarakat, sebab dan kawalan undang-undang.

Seterusnya, Abdul Hadi Zakaria (1980) menganalisis faktor yang mendorong wanita menjadi pelacur. Selain itu, pengkaji ini turut menghujahkan persoalan dalam penyimpangan seksual, termasuklah hujah oleh penulis barat berhubung dengan konsep pelacur dan pelacuran. Menurutnya lagi, pelacuran merupakan suatu bidang pekerjaan yang menjadi pilihan bagi segelintir kaum wanita. Haryati Hasan (2004) pula memfokus kepada dinamika kegiatan pelacuran di Kota Bharu, Kelantan pada 1950an sehingga 1970an. Kepelbagaian faktor terutamanya peningkatan perceraian, kemiskinan dan masalah mendapatkan peluang pekerjaan mempengaruhi perkembangan kegiatan pelacuran dalam tempoh tersebut. Artikel ini menumpukan kepada analisis laporan bertulis Pejabat Polis Kuala Krai dan Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, pada tempoh masa 1960an sehingga 1970an.

Hasil dan Perbincangan

Hasil analisis ke atas laporan bertulis pejabat Polis Kuala Krai dan pejabat Polis Kontinjen Kelantan artikel ini mencerakinkan perbincangan kepada tiga bahagian iaitu distribusi dan populasi pelacur di Kota Bharu, lokasi dan operasi serta langkah pencegahan.

Distribusi dan populasi pelacur di Kota Bharu

Di Kelantan, pihak polis merupakan salah satu daripada tiga agensi utama kerajaan yang dipertanggungjawabkan membasmi kegiatan pelacuran selain daripada MAIK dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. (*Brothels and prostitution in Kelantan*, 1968). Berkenaan kuasa polis dalam menjalankan tugasnya, diperuntukkan di bawah ‘*Women and Girls Protection Enactment Chapter 156*’ yang mana polis diberi kuasa untuk ‘*search, arrest and seizure*’. Ketiga-tiga kuasa tersebut terkandung di dalam Seksyen 21, 21A dan 22 (ii) enakmen tersebut.

Sehingga menjelang Perang Dunia Kedua terdapat seramai 149 orang pelacur yang beroperasi di jajahan Kota Bharu (Haryati Hasan, 2003). Selepas negara mencapai kemerdekaan pada 1957, bilangan pelacur yang telah ditangkap didapati meningkat. Dalam tahun 1972 misalnya Badan Pencegah Maksiat Kelantan telah menangkap seramai 339 orang pelacur (*Lapuran maksiat Negeri Kelantan*, Januari 1972 hingga 31 Mei 1973). Seramai 113 orang pula telah ditangkap antara 1 Januari 1973 hingga 31 Mei 1973 (*Lapuran maksiat Negeri Kelantan*, 1973).

Perangkaan tersebut, tidak mewakili keseluruhan jumlah pelacur yang ada di Kelantan. Ini kerana pihak polis di dalam kertas kerja yang bertajuk *Brothels and prostitution in Kelantan* yang bertarikh 4 Disember 1968 telah menyebut bahawa di bandar Kota Bharu sahaja terdapat

kira-kira 200 orang pelacur aktif (*Brothels and prostitution in Kelantan*, 1968). Laporan tersebut juga menyatakan kira-kira 200 hingga 300 orang pelacur dari Kelantan telah berhijrah ke Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bahru dan Singapura.

Laporan *Half-yearly return on vice* yang bertarikh 30 Jun 1970 pula menyebut, kira-kira 40 peratus daripada pelacur tempatan telah berhijrah ke Trengganu, Pahang dan Selangor. (*Half-yearly return on vice*, 30 Jun 1970 dan 14 September 1970). Perangkaan tersebut merupakan angka-angka berdasarkan tangkapan dan anggaran kasar. Jumlah pelacur yang sebenar terdapat di Kota Bharu mungkin lebih ramai daripada itu jika berdasarkan kepada tempat-tempat kegiatan pelacuran di sekitar Kota Bharu yang berjumlah sebanyak 83 buah. (*Brothels and prostitution in Kelantan*, 1968).

Apakah yang menyebabkan berlakunya aktiviti pelacuran? Persoalan ini kerap ditanya dalam kalangan masyarakat hari ini. Walaupun kegiatan atau aktiviti pelacuran dianggap keji dan hina dalam agama dan juga masyarakat, tetapi masih ramai lagi wanita yang sanggup untuk menjadi pelacur. Terdapat pelbagai sebab mengapa wanita menjadi pelacur, antaranya kerana masalah kemiskinan, keruntuhan moral, keinginan mendapat kehidupan yang senang, diceraikan oleh suami serta terpedaya (Haryati Hasan, 2003).

Lokasi dan Operasi

Sudah menjadi satu keadaan yang lumrah, pelacuran dijalankan di tempat-tempat tertentu yang selalunya tersembunyi dan sukar dikesan. Kebiasaannya kegiatan berkenaan dijalankan secara sulit dan amat jarang dijalankan di kawasan terang atau di tempat awam. Di bandar Kota Bharu terdapat sebanyak 83 buah kediaman yang digunakan untuk tujuan pelacuran (*Brothels and prostitution in Kelantan*, 1968). Laporan lain pula menyebut kira-kira 75 peratus kegiatan pelacuran beroperasi di rumah pelacuran dan hotel (*Half-yearly return on vice*, 30 Jun 1970 dan 14 September 1970). Selebihnya dikesan di kelab malam (*Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969) dan lorong-lorong gelap. Salah satu tempat 'lorong gelap' yang terkenal ialah di Lorong Tuar' atau Lorong Che Kadir. Selain kawasan berkenaan, kegiatan pelacuran turut dikesan berlaku di tempat awam seperti di taman hiburan *Biaritz Park*. (*Biaritz Park* merupakan tempat pertemuan antara pelacur-pelanggan. Jarang aktiviti seksual berlaku di situ kerana tiadanya kemudahan bilik. Lagi pun tempat tersebut merupakan tempat awam). Kawasan pantai (Pantai yang terkenal ialah pantai Cinta Berahi) dan padang turut digemari untuk aktiviti kejantinaan (*Vice/brothels*, 1 Januari 1970 to 30 Jun 1970).

Menggeledah sarang pelacuran merupakan salah satu daripada tugas pihak polis dalam usaha membasmi kegiatan pelacuran. Tugas tersebut dijalankan bersama-sama dengan pihak pencegah maksiat Majlis Agama. Menggeledah seringkali dijalankan di tempat yang dikenalpasti terdapat kegiatan pelacuran misalnya hotel. Di bandar Kota Bharu terdapat sekurang-kurangnya 29 buah hotel (*Minutes of the 1st meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1968). Namun, hanya beberapa buah hotel yang sering diserbu oleh pihak polis. Ini termasuklah tiga buah hotel yang telah disenarai hitam (*black-list*), kerana termasuk di dalam senarai '81 dwelling houses' yang menjadi sarang kegiatan pelacuran di Kota Bharu. (*Brothels and prostitution in Kelantan*, 1968).

Hotel tersebut ialah NM, B dan S (*Minutes of the 1st meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1968). Hotel NM yang terletak di Jalan Tok Hakim sekurang-kurangnya sekali pernah diserbu oleh pihak polis. Hasil serbuan tersebut dua orang

pelacur bersama pasangan masing-masing telah ditahan untuk disoal-siasat. (*Minutes of the contingent anti-crime planning committee meeting*, 1965). Berikutan maklumat mereka, pengurus dan penjaga hotel telah ditahan dan didakwa di bawah 'Sec 7(b) of the Women and Girls Protection Enactment Cap.156'. Mereka telah didenda sebanyak \$150 atau dua bulan penjara. (*Minutes of the contingent anti-crime planning committee meeting*, 1966)

Hotel B yang juga terletak di Jalan Tok Hakim turut dikesan sebagai salah satu tempat yang menjadi tumpuan kegiatan pelacuran. Kebanyakan pelacur di sini berbangsa Cina yang berasal dari luar Kelantan. (*Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969). Beberapa buah laporan menyebut bahawa seorang lelaki mualaf, yang bekerja sebagai 'hotel keeper' adalah bertanggungjawab membawa mereka masuk untuk memenuhi permintaan dalam kalangan pelanggan yang berbangsa Cina. Ekoran daripada itu lelaki berkenaan telah disoalsiasat. Beliau akhirnya didapati bersalah dan telah dipenjarakan serta dihadkan tempat kediamannya selama tiga tahun. (*Pelacur-perancangan kontinjen Kelantan no.9*, 1969).

Hotel S yang terletak di Jalan Post Office Lama, turut diserbu oleh pihak polis sebagaimana hotel NM dan hotel B. (*Minutes of the 1st meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1968). Sebuah laporan menyebut, pihak polis telah 81 kali membuat serbuan ke atas ketiga-tiga hotel berkenaan antara 3 Disember 1968 hingga 21 Januari 1969. (*Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969). Ini bermakna hampir setiap hari serbuan dilakukan ke atas ketiga-tiga buah hotel tersebut. Laporan lain pula menyebut pihak polis telah menyerbu hotel berkenaan lebih daripada tiga kali sehari terutamanya pada hari Khamis dan Sabtu. (*Minutes of the 1st meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1968). Ini kerana pada hari tersebut ramai pelacur separuh masa yang terdiri daripada bekas isteri nelayan dan petani telah datang ke hotel tersebut untuk melacur. Berhubung dengan serbuan di ketiga-tiga hotel berkenaan beberapa laporan juga menyebut bahawa pemeriksaan ke atas hotel telah dilakukan dari masa ke semasa sebagai satu cara menghalang para pelacur daripada menjalankan kegiatan mereka di sana (*Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969).

Selain tiga hotel berkenaan, Hotel C juga pernah diserbu oleh pihak polis kerana disyaki menjadi tempat tumpuan pelacur. Namun, pihak polis gagal memperoleh bukti dan penyiasatan ke atas hotel tersebut telah dihentikan. (*Minutes of the contingent anti-crime committee meeting*, 1965). Hal yang sama juga dapat diperhatikan di dalam kes hotel R. Beberapa laporan mengesyaki bahawa tempat berkenaan telah digunakan sebagai rumah pelacuran. Namun, setelah menjalankan pemeriksaan pihak polis gagal memperoleh sebarang bukti. (*Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969). Akhirnya penyiasatan ke atas hotel C dan R telah dihentikan. Ini menunjukkan hanya sebahagian kecil sahaja hotel yang telah diserbu dan tumpuannya pula hanya kepada hotel yang telah disenarai hitam. *Double standard* di dalam menjalankan tugas berhubung dengan pemeriksaan ke atas hotel telah mengakibatkan kegiatan pelacuran di hotel berterusan walaupun pemeriksaan yang kerap serta berterusan.

Pelacur yang beroperasi di hotel terdiri daripada pelacur Melayu yang berasal dari kawasan luar bandar serta bekerja pada musim-musim dan hari-hari tertentu kerana desakan nafkah lahir dan batin. (Haryati Hasan, 2005). Selain itu, pelacur berbangsa Cina dari luar Kelantan turut mewarnai kegiatan pelacuran di hotel-hotel di Kelantan kerana adanya permintaan daripada

pelanggan yang juga berbangsa Cina. Wujudnya faktor ‘*supply-demand*’ antara pelacur-pelanggan telah menjelaskan mengapa kegiatan pelacuran sukar dibasmikan. Selain itu, orang perantara seperti penjaga hotel merupakan pemangkin yang merancakkan lagi aktiviti pelacuran di hotel. Hukuman tidak pernah menakutkan mereka untuk meneruskan kerja yang berhubung dengan kegiatan pelacuran serta yang berkaitan dengannya. Hal ini merupakan satu sebab lagi mengapa kegiatan pelacuran masih gagal dibanteras walau pun adanya usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak polis untuk membasmi kegiatan tersebut.

Rumah pelacuran, selain daripada hotel merupakan tempat yang sering diperiksa dan diserbu oleh pihak polis. Ini termasuklah rumah di hadapan Lucky Bar, Jalan Post Office Lama serta rumah di Belakang Kota. Rumah tersebut telah digunakan sebagai rumah pelacuran oleh sebilangan pelacur tempatan di bawah anjuran pemilik rumah itu sendiri. Rumah-rumah di Belakang Kota misalnya dipunyai oleh pemilik berlainan yang dikenali sebagai Munah (Gila), Mahmud dan Deraman). Kadar bayaran yang dikenakan bagi menyewa bilik ialah \$1.00 sehingga \$3.00 setiap kali digunakan. (*Rumah-rumah pelacuran dalam daerah Kota Bharu*).

Langkah Pencegahan

Penganjur rumah pelacuran yang telah dikenal pasti akan dipanggil oleh pihak polis untuk disoal siasat. Pada kali pertama mereka akan diberi amaran keras supaya berhenti daripada menjalankan aktiviti dalam kegiatan maksiat. Hal tersebut dapat dilihat di dalam kes Abdullah bin Awang @ Dollah. Setelah dipanggil dan diberi amaran, beliau telah berhenti daripada menganjurkan rumah pelacuran sebaliknya telah mencari pekerjaan halal untuk menyara kehidupannya. Beliau telah mendapat kerja sebagai pengetam papan di sebuah kilang papan dengan gaji sebanyak \$5.00 sehari. (*Per: Abdullah bin Awang @ Dollah*).

Hasil serbuan ke atas hotel NM, pihak polis telah berjaya menahan seramai dua orang pelacur bersama pasangan masing-masing. Mereka kemudiannya telah dibawa ke balai polis untuk disoal-siasat (*Minutes of the contingent anti-crime planning committee meeting, 1965*).

Berikutan maklumat daripada mereka, pengurus dan penjaga hotel telah turut ditahan dan didakwa di bawah ‘*Sec 7(b) of the Women and Girls Protection Enactment Cap.156*’. Kedua-duanya telah didenda sebanyak \$150 atau dua bulan penjara (*Minutes of the contingent anti-crime planning committee meeting, 1966* dan *Minutes of the the contingent anti-crime planning committee meeting, 1965*).

Selain itu, ada yang dikenakan tindakan penjara dan buang daerah atau dihadkan tempat kediaman. Mek Nga (bukan nama sebenar), seorang wanita berbangsa Siam, berperanan mengurus dan menjaga pelacur berbangsa Siam yang diambil dari Sungai Golok, Thailand. Beliau telah didakwa di bawah Seksyen 7(a) Cap.156 KN Ord.37/67 dan dikenakan denda sebanyak \$70 kerana membenarkan rumahnya digunakan untuk tujuan pelacuran. (*Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no.11, 1970*).

Mak Su Minah (bukan nama sebenar) yang menjalankan kegiatan sebagai penganjur rumah pelacuran di Hulu Kota (*Pelachor-perancangan jawatankuasa kontinjen no.8, 1969*) juga telah turut didakwa di bawah Sec.7(b) Cap.156 Ext.37/67 (*Pelacur-perancangan kontinjen Kelantan no.9, 1969*) dan beliau telah dihukum denda sebanyak \$150 (*Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no.10, 1970*).

Selain hukuman denda, terdapat dalam kalangan penganjur rumah pelacuran yang telah dihukum penjara. Nik Mat (bukan nama sebenar) misalnya telah dipenjarakan selama lima

bulan (*Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969 dan *Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969).

Selain itu, ada juga penganjur rumah pelacuran yang dijatuhkan hukuman penjara serta dibuang daerah. Pa'Su Mat (bukan nama sebenar) yang menjalankan kegiatan di Belakang Kota (*Minutes of the 1st meeting of the contingent planning committee*, 1968) misalnya telah menjalani hukuman penjara di penjara Pengkalan Chepa (*Minutes of the 5th meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969) sementara mendapat perintah buang daerah di Dabong, daerah Stong, Ulu Kelantan selama tiga tahun (*Mencegah pelacuran-minit perancangan jawatankuasa kontinjen no.7*, 1969).

Tindakan menghadkan kediaman turut dikenakan ke atas Che Mood (bukan nama sebenar). Beliau telah ditahan di penjara Pengkalan Chepa (*Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969) sementara menunggu perintah untuk menghadkan kediamannya di mukim To' Uban selama tiga tahun. (*Minutes of 5th meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1969).

Selain kedua-dua kes tersebut, seorang yang bergelar Tengku yang menjalankan kegiatannya di Jalan Pengkalan Chepa serta merupakan salah sebuah daripada 'established places', (*Minutes of the contingent anti-crime committee meeting*, 1965) juga telah dikenakan tindakan di bawah undang-undang 'Restricted Resident' (RR) (*Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no.10*, 1970). Sebelum tindakan tersebut dikenakan sekurang-kurangnya sekali premis beliau telah digelidah (*Minutes of the 1st meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1968). Pihak polis juga telah menjalankan siasatan yang terperinci sebelum mengambil tindakan ke atas beliau. (*Mencegah pelacuran-minit perancangan jawatankuasa kontinjen no.7*, 1969). Akhirnya beliau telah didakwa di bawah *Sec.7(b) Chapter 156* kerana didapati bersalah menganjurkan rumah pelacuran (*Pelacur-perancangan kontinjen Kelantan no.9*, 1969).

Pendakwaan tidak dapat dilaksanakan sekiranya pihak polis tidak mempunyai bukti lengkap. Ini bermakna fail-fail mengenai mereka yang disyaki terpaksa ditutup untuk sementara. Mek China Gemok (bukan nama sebenar), misalnya adalah salah seorang daripada mereka yang bernasib baik kerana terlepas daripada pendakwaan disebabkan pihak polis tidak menemui sebarang bukti untuk mendakwa beliau. (*Minutes of the 1st meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution*, 1968). Pendakwaan juga, akan terhalang atau gagal dilaksanakan kerana individu yang disyaki telah melarikan diri atau menghilangkan diri. Mahmood (bukan nama sebenar) telah melarikan diri ke Selatan Thai. (*Mencegah pelachoran-minit perancangan jawatankuasa kontinjen no.7*, 1969). Ismail (bukan nama sebenar) pula bersembunyi di Singapura. (*Pelacur-perancangan kontinjen Kelantan no.9*, 1969). Kes-kes sedemikian ternyata merumitkan pihak polis untuk mencegah kegiatan pelacuran.

Berhubung dengan kes-kes melarikan diri keluar dari Kelantan pihak polis akan bertindak dengan membuka fail ke atas mereka yang disyaki dengan tujuan menghadkan kediamannya. Selain itu pihak polis akan mendapatkan saksi-saksi untuk memberi keterangan di atas aktiviti haram yang telah dijalankannya. Selain itu pihak polis juga akan menghubungi pihak polis di negara mereka berada untuk membantu melicinkan siasatan yang lengkap ke atas orang yang dituduh. Hal tersebut dapat dirujuk mengenai kes Yakob (bukan nama sebenar) yang berasal dari Kelantan tetapi melacurkan wanita Kelantan ke Singapura. 'Personal' fail untuk

mengehadkan kediaman beliau telah dibuka. Selain itu saksi yang berjumlah seramai lapan orang juga telah dipanggil untuk memberi keterangan mengenai kegiatan beliau dalam maksiat. Pihak polis Kelantan juga telah berhubung dengan pihak polis Singapura untuk membantu melicinkan siasatan ke atas tertuduh (*Kegiatan pelacuran di Kota Bharu*).

Prosedur yang sama juga telah digunakan untuk menangkap Mahmood (bukan nama sebenar) yang telah melarikan diri ke Selatan Thailand. Mahmood sebelumnya mengusahakan tempat pelacuran di Kampung Dalam, Jalan Kebun Sultan Kota Bharu sebelum melarikan diri ke Selatan Thailand pada 7 September 1969 (*Mencegah pelachoran-minit perancangan jawatankuasa kontinjen no.7, 1969*). Beliau akhirnya berjaya ditangkap pihak polis dan telah dihadkan tempat kediamannya di Marang Terengganu pada 21 Julai 1976. Penahanan beliau adalah di bawah Enakmen Kediaman Terhad Bab 39. (*Tindakan terhadap mereka-mereka yang hidup di atas hasil pelacuran di bawah Enakmen Kediaman Terhad Bab 39*). Berdasarkan tarikh beliau melarikan diri dan tarikh beliau ditahan ternyata kes tersebut mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan.

Enakmen Kediaman Terhad, Bab 39 juga turut dikenakan ke atas pengelola rumah urut haram. Selain itu pengelola rumah urut berlesen juga turut diambil tindakan sekiranya digunakan untuk salah satu daripada daripada tujuan berikut. Pertama, rumah urut itu juga digunakan untuk pelacuran dan para penganjur sebenarnya hidup atas hasil pelacuran. Kedua, gadis di bawah umur telah kerap kali diselamatkan dari tempat itu dan mereka adalah terdedah kepada bahaya moral semasa berada di tempat sama. Ketiga, tempat berkenaan merupakan tapak atau tempat perlindungan kegiatan kongsi gelap yang mana ahli kongsi gelap hidup di atas pendapatan tempat sama atau komisyen melalui perlindungan statik. (*Tindakan terhadap mereka-mereka yang hidup di atas hasil pelacuran di bawah Enakmen Kediaman Terhad Bab 39*).

Bagi rumah urut haram lain yang mana tindakan di bawah Enakmen Kediaman Terhad, Bab 39 difikirkan tidak sesuai, maka tindakan mahkamah hendaklah diusahakan melalui serbuan polis yang kemudiannya diikuti dengan permohonan untuk mendapatkan saman terhadap penganjur. Sungguhpun hukuman denda yang dikenakan oleh mahkamah jarang dapat memberi keinsafan kepada penganjur berkenaan, akan tetapi jika serbuan mengejut dan tindakan '*harrassment*' lain kerap dilakukan, maka sudah tentu lambat-laun penganjur itu akan mengundur diri dari lapangan tersebut. Lagi pula para pelanggan akan turut menghilangkan diri kerana tiada sesiapa yang ingin sentiasa ditangkap oleh pihak polis. (*Tindakan di atas penganjur rumah urut yang tidak berlesen*).

Kewujudan hubungan kegiatan kongsi gelap atau pemeras wang dengan kegiatan pelacuran sukar untuk dinafikan. Surat aduan daripada orang awam yang hanya dikenali sebagai Zainal Abidin dari jalan Hulu Kota telah menjelaskan akan hal berkenaan. Menurut surat tersebut, "...di jalan Hulu Kota (*Istana Balai Besar*)- ada beberapa buah rumah haram tempat simpan perempuan-perempuan lacor, di kawasan rumah inilah hidup dengan mewah, hidup dengan kebebasan memaksa, bergaduh, memungut wang dengan perempuan-perempuan lacur. (*Ambil tindakan tegas ke atas orang-orang ini kerana memaksa dan memeras wang daripada perempuan pelacor*).

Di dalam surat berkenaan juga penulis telah menyertakan senarai nama 10 orang lelaki yang merupakan 'gangster' atau pemeras ugut. Salah seorang daripada mereka adalah anggota polis sendiri.

Laporan Minit Mesyuarat Kontinjen Polis pada 2 Oktober, 1965 menyebut kegiatan pelacuran di Kelantan sebagai;

Prostitution in Kelantan can be quite easily contained, as parties to the sexual acts are mostly persons professing the Islamic faith. The Council of Religious and Malay Custom and Kathis Courts Enactment 1953 sets out very stringent measures that prohibit the retirement of Muslims in suspicious proximity to any women. (Minutes of the contingent anti-crime committee meeting, 1965).

Dalam usaha membasmi kegiatan maksiat di Kelantan pihak polis dan jabatan Agama kerap melakukan serbuan di tempat-tempat awam, hotel serta rumah pelacuran. (*Brothels and prostitution in Kelantan*, 1968 dan *Vice/Brothels*, 1 Januari 1970 to 30 Jun 1970). Hasilnya banyak tangkapan telah dibuat. Dalam tahun 1972 misalnya Badan Pencegah Maksiat telah menangkap seramai 339 orang. Seramai 113 orang telah ditangkap antara 1 Januari 1973 hingga 31 Mei 1973. (*Maksiat*, Jun, 1973 dan *Laporan maksiat negeri Kelantan*, Januari 1972 hingga 31 Mei 1973).

Terdapat laporan yang menyebut bahawa penguatkuasaan undang-undang yang ketat menyebabkan kegiatan pelacuran di Kelantan semakin berkurang (*Maksiat*, 1973). Ramai daripada mereka telah berhijrah keluar ke negeri-negeri lain (*Minutes of the contingent anti-crime committee meeting*, 1965). Sementara itu yang ada di Kelantan pula tidak berani menjalankan kegiatan secara terbuka, sebaliknya mereka menjalankan kegiatan tersebut secara perseorangan dan bersendirian di tempat-tempat sulit dan tidak tetap serta dalam jangka masa yang amat pendek (*Laporan maksiat/pelacuran di Kelantan*).

Menurut laporan Maksiat, pada Jun, 1973 ramai lelaki mencari hiburan di luar Kelantan iaitu ke Sungai Golok (*Maksiat*, Jun, 1973). Laporan juga menyebut mengenai kemasukan pelacur dari Sungai Golok, Thailand yang berusia antara 15 hingga 25 tahun. Kes-kes seperti ini akan diletakkan di bawah bidangkuasa jabatan Imigresen untuk diambil tindakan selanjutnya (*Vice/Brothels*, 1 Januari 1970 to 30 Jun 1970).

Kesimpulan

Pihak penguatkuasaan undang-undang iaitu MAIK dan polis menjalankan tugas mereka berpandukan undang-undang persekutuan dan negeri. Undang-undang tersebut pula telah menentukan had dan bidang kuasa kedua-dua badan berkenaan untuk bertindak. Oleh itu sejauhmana keberkesanan tindakan kedua-dua agensi berkenaan bergantung kepada sejauhmanakah pula isi kandungan undang-undang tersebut, pelaksanaan dan masalah di dalam agensi berkenaan. Kelancaran operasi penguatkuasaan juga banyak bergantung kepada faktor-faktor lain termasuklah sokongan daripada kerajaan negeri. Masalah salah laku seksual ini perlu diatasi dan selain peranan MAIK dan polis, masyarakat perlu memberi pendidikan agama kepada anak-anak lelaki dan perempuan sejak daripada mereka kecil. Sebagaimana pepatah Melayu menyatakan kalau hendak "melentur buluh biarlah dari rebungunya". Penyakit sosial ini jika dibiarkan ia akan menjadi duri dalam daging. Adalah "lebih baik mencegah daripada mengubati" kerana jika sudah terlambat, tidak berguna lagi untuk menangi kerana "nasi sudah menjadi bubur".

Penghargaan

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia cawangan Kelantan serta pihak polis Kelantan kerana menyimpan dan mengumpul maklumat yang berkaitan dengan penulisan ini.

Rujukan

- Abdul Hadi Zakaria. (1980). *Pelacur dan pelacuran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Haryati Hasan. (2003). Pelacuran wanita Melayu Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua: Satu cerakinan sebab-musabab. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, 8(1). Oktober.
- Haryati Hasan. (2004). *Wanita Kelantan dan pelacuran: Satu kes kajian di Kota Bharu, 1950an–1970an* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haryati Hasan. (2005). Malay women and prostitution in Kota Bharu, Kelantan, 1950s–1970s. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, (1), 97 –120.
- Haryati Hasan. (2007). Isu sosial di Kelantan, 1920an-1930an. *Warisan Kelantan XXVI*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Hassan Abd. Ghani. (1984). *Pelacur dan profesion pelacuran di kalangan gadis bawah umur dan kawalan undang-undang di Malaysia* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- MAIK. (135/16). Berkenaan dengan perempuan tua yang menjadikan barua titahnya minta diberhentikan mereka yang semacam itu daripada menjalankan pekerjaannya.
- Murray, A.J. (1991). *No money, no honey: a study of street traders and prostitution in Jakarta*. New York: Oxford University Press.
- Polis Kuala Krai, SR 35/41. (1965). “Minutes of the contingent anti-crime committee meeting” 2 Oktober.
- Polis Kuala Krai, SR 35/4. (1965). “Minutes of the contingent anti-crime committee meeting 7 Oktober.
- Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41, (1965). “Minutes of the contingent anti-crime planning committee meeting”, 20 November.
- Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41, (1966). “Minutes of the contingent anti-crime planning committee meeting”, 9 Januari.
- Polis Kuala Krai, SR 35/4, (1968). “Study paper-brothels and prostitution in Kelantan”, 4 Disember.
- Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41. (1968). “Minutes of the 1st meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution”, 19 Disember.
- Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41 (1969). “Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution”, 23 Januari.
- Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41, (1969). “Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution”, 6 March.
- Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41 (1), (1969). “Minutes of the 5th meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution”, 8 Jun.
- Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41 (1), (1969). “Mencegah pelacuran-minit perancangan jawatankuasa kontinjen no.7”, 7 September.
- Pejabat Polis Kuala Krai SR35/41(1), (1969). “Pelachor-perancangan jawatankuasa kontinjen no.8”, 12 Oktober.
- Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41 (1969). “Pelacur-perancangan kontinjen Kelantan no.9”, 24 Disember.

- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, (1970). "Vice/Brothels", 1 Januari 1970 to 30 Jun.
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, (1970). "Half-yearly return on vice", 30 Jun dan 14 September.
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "Laporan maksiat negeri Kelantan", Januari 1972 hingga 31 Mei 1973.
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, (1973). "Maksiat", Jun,
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*. "Laporan Maksiat/pelacuran di Kelantan".
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*. "Kegiatan pelacuran di Kota Bharu".
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*. "Tindakan terhadap mereka-mereka yang hidup di atas hasil pelacuran di bawah Enakmen Kediaman Terhad Bab 39.
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(3)*. "Tindakan di atas penganjur rumah urut yang tidak berlesen".
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(3)*. "Ambil tindakan tegas ke atas orang-orang ini kerana memaksa dan memeras wang daripada perempuan pelacor".
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (3)*. "Rumah-rumah pelacuran dalam daerah Kota Bharu".
- Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(3)*. "Per: Abdullah bin Awang @ Dollah".
- Ruslan Khatib. (1966). *Pelacuran Melayu di Kuala Lumpur* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Shaik Mohamed Mohd Sahed. (1977), *Pelacuran: Kawalan sosial dan undang-undang di Malaysia dengan rujukan khas di Pulau Pinang* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Temubual Mohd Yusoff bin Mamat. Ketua Polis Kelantan (2025). *Isu sosial di Kelantan*. Kota Bharu: Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, 12 Jun.
- Warren, J.F. (1993). *Ah Ku and Karayuki-San: Prostitution in Singapore 1870–1940*. Singapore: Oxford University Press.